



كردا دارالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

"KEDAH SEJAHTERA"

Ruj. Kami
Tarikh

:PSU(K) 844-1399 (13)
: 17 Rabiulakhir 1432
22 Mac 2011

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

MENGGALAKKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM / AGENSI MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK LHDNM: e-FILING DAN e-BAYARAN BAGI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2010

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengguna **e-Filing** dan **e-Bayaran** di kalangan semua pegawai/staf perkhidmatan awam/agensi serta pasangan yang layak dikenakan cukai mulai tahun taksiran 2010.
3. Aplikasi **e-Filing** bagi Borang Nyata Orang Perseorangan Bagi Pernastautin Yang Tidak Menjalankan Perniagaan(**e-BE**) / Borang Nyata Orang Perseorangan Bagi Pernastautin Yang Menjalankan Perniagaan (**e-B**) boleh dilayari mulai **1 Mac 2011** di Laman Web Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau Laman Utama e-Filing <https://e.hasil.gov.my> bagi aplikasi tersebut.
4. Sekiranya terdapat sebarang masalah semasa pengisian **e-BE / e-B**, YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi **Talian Bebas Tol 1-300-88-3010** atau talian terus **Bantuan e-Filing di 03-42893535**.
5. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dipohon memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menggalakkan semua pegawai / staf di jabatan / agensi masing-masing agar menggunakan aplikasi ini.
6. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan menjayakan aplikasi ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menaruh perintah,

(DATO' AHMAD BIN MD. ISA, BSK., AMK., BCK., BPL.)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

s.k. YB. Dato' Seraja Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Telefon : 04 730 1957, 04 774 4000 - Laman Web : <http://www.kedah.gov.my>

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KEDAH
PEJABAT YB. SUK & BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Faks : 04 730 2246
Faks : 04 731 0908
Faks : 04 774 4105

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI KEDAH
SEKSYEN KEWANGAN

Faks : 04 730 2240
Faks : 04 774 4559
Faks : 04 774 6117